

11/09/1998

Perpaduan Pemuda kekal

KUALA LUMPUR, Khamis - Perpaduan dan imej Pergerakan Pemuda Umno tidak terjejas walaupun mesyuarat exconya hari ini mengambil masa kira-kira lima jam untuk menentukan kedudukan ketuanya, Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Naib Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata semua anggota exco diberi kesempatan menyuarakan pandangan mengenai kedudukan Ahmad Zahid.

"Saya agak bangga perkara ini dibincang secara rasional, yang penting semua mengambil kira perpaduan dan imej Pemuda," katanya selepas mesyuarat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu.

Pemuda Umno hari ini menyerahkan kedudukan Zahid diputuskan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Majlis Tertinggi (MT) berikutan perlembagaan parti dan peraturan Pemuda, exco tidak boleh memecat ketua atau anggota pergerakan berkenaan.

Mesyuarat dihadiri semua anggota exco pergerakan serta ketua Pemuda negeri kecuali ketua Pemuda Negeri Kedah, Abdul Halim Said.

Hishammuddin yang juga Timbalan Menteri Perusahaan Utama, berkata Zahid mengambil pendirian jelas bahawa berdasarkan perlembagaan dan peraturan Umno, anggota exco tidak boleh memaksa beliau meletak jawatan, sebaliknya menyerahkan kepada Presiden dan MT.

"Saya tidak boleh mengeluarkan kenyataan lebih dari itu kerana peraturan mesyuarat tidak membenarkan saya berbuat demikian.

"Kenyataan selanjutnya perlu ditanya sendiri kepada Datuk Ahmad Zahid," katanya.

Beliau juga meminta anggota pergerakan itu supaya bertenang.

Menurutnya, exco pergerakan itu akan turun ke bawah menjelaskan kepada anggota akar umbi punca sebenar pemecatan Anwar.

(END)